

Headline	Syor tubuh pangkalan data khas rumah mampu milik
MediaTitle	Berita Harian
Date	31 Jul 2017
Section	Bisnes
Page No	24
Language	Malay
Journalist	Nurhayati Abillah
Frequency	Daily



# Syor tubuh pangkalan data khas rumah mampu milik

➔ Langkah selesai masalah perlu ditangani hanya 1 pihak

Oleh Nurhayati Abillah  
nurhayatiabillah@bh.com.my

**P**eserta industri dan penganalisis dalam sektor hartanah mencadangkan kerajaan mewujudkan pangkalan data khas yang hanya ditangani oleh satu pihak bertanggungjawab bagi menyelesaikan isu rumah mampu milik di negara ini.

Agensi atau badan berkeajaan akan berperanan untuk mengumpulkan data berkaitan yang memfokuskan kepada permintaan, bekalan serta membangunkan rumah mampu milik berdasarkan keperluan kumpulan yang disasarkan.

Presiden Persatuan Ejen Hartanah Muslim Malaysia (PEHAM), Ishak Ismail, berkata masalah rumah mampu milik di Malaysia masih berterusan disebabkan ada jurang

perbezaan mengenai tafsiran kemampuan memiliki dan rumah mampu milik.

"Definisi rumah mampu milik pada masa ini tidak jelas dan bersifat umum mengikut tafsiran berbeza antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan pemaju sendiri.

"Sedangkan definisi berkenaan harus merangkumi keseluruhan aspek dan mengikut keperluan setiap golongan seperti pembeli yang baharu mendapatkan pekerjaan, pasangan baru berkahwin, golongan berpendapatan rendah, pem-

beli rumah pertama dan sebagainya.

"Pada hari ini, ada kepelbagaian julat harga bagi rumah mampu milik yang ditetapkan pemaju dan ia dilihat lebih membebaskan kumpulan sasaran, terutama dalam mendapatkan pinjaman perumahan," katanya ketika dihubungi BH.

#### Pemaju keliru

Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif UEM Sunrise, Anwar Syahrin Abdul Ajib, juga berpendapat, pemaju hartanah tempatan turut berdepan kekeliruan bagi penetapan harga rumah mampu milik yang dibangunkan.

"Sebagai pemaju, kami juga perlu mengambil kira aspek lokasi, rekaan binaan selain kos lain berkaitan. Justeru, jika ada satu penetapan mengenai harga rumah mampu milik, ia sekurang-kurangnya boleh menjadi garis panduan kepada pemaju.

"Selain itu, turut difokuskan kepada isu pembiayaan kerana ia memberi kesan secara langsung kepada pembeli," katanya.

#### Penanda aras

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Mah Sing Group, Datuk Ho Hon Sang, berkata cadangan kerajaan untuk menubuhkan sebuah badan kawal selia bagi menyelesaikan isu rumah mampu milik di negara ini adalah tepat pada masanya sebagai langkah penyelesaian jangka panjang.

"Langkah itu dijangka boleh membantu menangani masalah penetapan harga rumah mampu milik dalam kalangan pemaju, sekali gus memberi satu tanda aras kepada peserta industri.

"Pada masa ini, tiada definisi yang jelas mengenai perkara itu dan ia akan menimbulkan keke-

liruan terhadap pemaju, manapun pembeli," katanya.



Pada hari ini, ada kepelbagaian julat harga bagi rumah mampu milik yang ditetapkan pemaju dan ia dilihat lebih membebaskan kumpulan sasaran, terutama dalam mendapatkan pinjaman perumahan"

**Ishak Ismail,**  
Presiden PEHAM



➔ Sasaran kerajaan untuk membina satu juta unit rumah mampu milik menjelang 2020.

➔ Definisi rumah mampu milik bagi kebanyakan pemaju hartanah bermula pada harga lebih

RM300,000 seunit, bertentangan dengan kaji selidik Bank Negara Malaysia, iaitu RM200,000 ke bawah.